



CERMAH... para pelajar sedang mendengar ceramah pada majlis itu.



DR KASIM... Timbalan Naib Canselor HEP UMS.

Mahasiswa perlu jadi ikon pelajar sekolah: Dr Kasim

NST 15.4.2014 5

KOTA KINABALU: Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md Mansur berkata, mahasiswa universiti harus menjadi ikon kepada pelajar-pelajar sekolah menengah.

Menurut beliau, siswa-siswi perlu menunjukkan teladan yang baik sekali

gus menjadi pendorong kepada pelajar-pelajar menanam azam untuk bertekad memasuki universiti.

Beliau berkata demikian pada Kembara Ilmu Semega Siri 1 yang bertemakan Memotivasikan Pelajar Sekolah Melangkah ke Menara Gad-ing.

Menyentuh mengenai program itu Datuk Kasim berkata, universiti

sentiasa menyokong aktiviti yang bersifat kesukarelawan dan motivasi.

"Selain mampu merapatkan hubungan universiti dengan masyarakat, ia juga bermanfaat dalam mengasah ketrampilan serta teknik komunikasi dan pengucapan awam yang berhadapan dengan pelbagai persoalan daripada para pelajar," katanya.

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan

Alumni (HEP) telah mengadakan program itu secara serentak selama dua hari berturut-turut di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tawau, SMK Kinabutan, SMK Jambatan Putih, SMK Umas-umas, SMK Balung, SMK Tawau II, SMK Abaka, SMK Wakuba dan SMK Merotai.

Hadir sama, Timbalan Pendaftar Kanan HEP, Mohd Raffie Hj Janau.